



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**AKSES KEPADA KEADILAN DIPERLUASKAN DENGAN PEMBUKAAN  
MAHKAMAH BAHARU**

Bagi memperluaskan akses rakyat kepada keadilan, Badan Kehakiman telah mengambil inisiatif untuk membuka dan menambah lima (5) Mahkamah Tinggi Malaya dan satu (1) Mahkamah Sesyen yang baharu seperti berikut:-

- i. Pembukaan Mahkamah Tinggi Malaya di Sg. Petani, Kedah;
- ii. Pembukaan Mahkamah Tinggi Malaya di Klang, Selangor;
- iii. Penambahan Mahkamah Tinggi Malaya (Jenayah) di Kuala Lumpur;
- iv. Penambahan Mahkamah Tinggi Malaya (Jenayah) di Shah Alam, Selangor;
- v. Penambahan Mahkamah Tinggi Malaya di Muar, Johor; dan
- vi. Pembukaan Mahkamah Sesyen Setiu, Terengganu.

Kesemua Mahkamah Tinggi Malaya ini akan mula beroperasi pada 13 Julai 2020. Namun demikian, kes-kes di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Malaya di Sg. Petani masih didengar di Kompleks Mahkamah Alor Setar sehingga 15 Ogos 2020. Mahkamah Tinggi Malaya di Sg. Petani akan mula bersidang sepenuhnya di Kompleks Mahkamah Sg. Petani mulai 16 Ogos 2020.

Mahkamah Sesyen Setiu akan bersidang secara litar iaitu pada setiap hari Rabu bermula 15 Julai 2020. Sebelum ini, kes-kes Mahkamah Sesyen yang berasal daripada daerah Setiu didengar di Mahkamah Sesyen Besut.

Pembukaan dan penambahan Mahkamah-Mahkamah baharu ini pastinya akan memberi kemudahan kepada orang awam dari pelbagai latar belakang dan lokasi untuk mendapatkan akses kepada keadilan. Ini akan meningkatkan penyampaian

perkhidmatan keadilan Mahkamah kepada rakyat yang tinggal atau menetap jauh dari Mahkamah sedia ada dan sekaligus meningkatkan keberkesanan kos (*cost effectiveness*) kepada pihak-pihak.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**Tarikh: 3 Julai 2020**